



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 28 JANUARI 2026**

BIL.	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	POTENSI NANAS HIBRID BAHARU MS16 UNTUK PASARAN NEGARA, EKSPORT, KOMUNITI, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 28	INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)
2.	100 ASNAF TERIMA AGIHAN ZAKAT AGROBANK, BISNES, HARIAN METRO, M/S – 23	AGROBANK
3.	KOMUNITI PERTANIAN, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 1	LAIN – LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/1/2026	UTUSAN MALAYSIA	KOMUNITI	28



Potensi nanas hibrid baharu MS16 untuk pasaran negara, eksport

HIBRID baharu nanas Mardi, MS16 berpotensi untuk dikomersialkan, sekaligus menembusi pasaran antarabangsa.

Menurut Pegawai Penyelidik Mardi, Nurul Shamimi Abdul Ghani, MS16 adalah varieti baharu nanas manis dan berkualiti kepada pengusaha dan penggemar nanas di samping meningkatkan kepelbagaian sumber genetik tanaman nanas di Malaysia.

MS16 berasal daripada kacukan induk Josapine dan nanas tanpa duri dari Australia. Ia sangat toleran terhadap

penyakit reput teras bakteria dan pengeluaran sulur yang banyak.

"Keistimewaan tambahan MS16, ia dapat disimpan dalam jangka masa tujuh hari pada suhu rendah (10 darjah celsius) dan lima hari pada suhu amblan (25 darjah celsius) membolehkannya dipasarkan di pasaran tempatan sebagai nanas segar dan produk terproses seperti jus," katanya dalam kenyataan.

■ NURUL Shamimi Abdul Ghani (dua, kiri) bersama pengusaha nanas MS16 di Sabak Bernam, baru-baru ini.

100 asnaf terima agihan zakat Agrobank

Kuala Lumpur: Agrobank mengagihkan zakat berjumlah RM16,500 kepada 100 penerima daripada golongan asnaf di bawah Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ) terdiri daripada pelajar sekolah serta keluarga asnaf.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Agrobank, Datuk Tengku Ahmad Badi Shah Raja Hussin berkata, Agrobank sebagai institusi kewangan pembangunan bukan hanya berorientasikan keuntungan semata-mata, sebaliknya turut menitikberatkan kebajikan golongan memerlukan.

"Melalui penyerahan zakat ini, kami berharap ia dapat membantu meredakan beban dan memberi sedikit kelegaan kepada golongan asnaf yang terbabat," katanya dalam kenyataan.

Dalam majlis sama, Agrobank turut menyampaikan tuntutan kematian akibat kemalangan berjumlah RM11,140 kepada waris asnaf yang terbabat.

Selain itu, Agrobank melaksanakan pembaharuan perlindungan Takaful Kasih Berkelompok Asnaf Fakir Miskin bagi tempoh 2025 hingga 2026 dengan jumlah perlindungan keseluruhan mencecah RM238 juta.

Seiring dengan komitmen berterusan kedua-dua pihak, MAINJ juga sudah mencapai persetujuan strategik untuk meneruskan perlindungan Takaful Kasih Berkelompok Asnaf

Fakir Miskin sehingga 2029 dengan Agrobank bertindak sebagai agensi pelaksana bagi inisiatif itu.

Tengku Ahmad Badi Shah berkata, Agrobank berbesar hati menjalankan kerjasama strategik bersama MAINJ sebagai penyedia perkhidmatan takaful kepada golongan asnaf.

"Inisiatif ini mencerminkan komitmen kami dalam memastikan golongan terbabat turut mendapat perlindungan yang sewajarnya demi kesejahteraan hidup yang mampan dan inklusif.

"Program pembangunan komuniti berimpak tinggi ini sudah memberi manfaat kepada 22,061 asnaf di Johor pada 2024 dan seterusnya meningkat kepada 23,800 orang pada 2025," katanya.



KETUA Jabatan Jualan dan Perkhidmatan Agrobank Melaka, Norazham Aziz (dua dari kiri) menyerahkan cek sumbangan zakat asnaf kepada Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam Negeri Johor, Mohd Fared Mohd Khalid (tiga dari kiri).

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/1/2026	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	1



Komuniti pertanian

FAKULTI Kejuruteraan Kimia Universiti Teknologi Mara (UiTM) Pasir Gudang mengambil inisiatif memperkenalkan teknik menanam sayuran menggunakan kaedah internet kebendaan (IoT) di Kebun Komuniti Flat Taman Impian Emas, Johor. Kelihatan ketua projek tersebut, Muhammad Imran Ismail (dua dari kiri) memberi penerangan kepada penduduk flat berkenaan. - UTUSAN/RAJA JAAFAR ALI